



IKLAN

SINGAPURA

SG paling catat peningkatan di peringkat global bagi kedudukan subjek universiti QS

Sistem pendidikan tinggi Singapura muncul sebagai yang paling mencatat peningkatan di dunia dalam Ranking Universiti Dunia terkini Quacquarelli Symonds (QS) mengikut Subjek, yang dikeluarkan pada Rabu (25 Mac).

Anggaran Waktu Membaca: 4 min





Baca ringkasan artikel ini menggunakan FAST.

FAST

SINGAPURA: Sistem pendidikan tinggi Singapura muncul sebagai yang paling mencatat peningkatan di dunia dalam Ranking Universiti Dunia terkini Quacquarelli Symonds (QS) mengikut Subjek, yang dikeluarkan pada Rabu (25 Mac).

Universiti-universiti di negara ini kini mempunyai 42 subjek yang tersenarai antara 10 terbaik di dunia, meletakkannya di tempat pertama di Asia dan ketiga di peringkat global selepas Amerika Syarikat dan Britain.

IKLAN



Kira-kira dua pertiga subjek - 76 daripada 115 - turut mencatat peningkatan dari segi ranking.

Para pakar berkata pelaburan yang kukuh dalam penyelidikan dan bakat, termasuk dalam bidang kecerdasan buatan (AI), serta tumpuan terhadap kemahiran dan daya



Di Universiti Nasional Singapura (NUS), sebanyak 28 subjek mencatat kedudukan 10 terbaik di dunia.

Ini juga rekod terbaik universiti tersebut sejak kedudukan subjek QS diperkenalkan pada 2011.

IKLAN



Antaranya termasuk kejuruteraan awam dan struktur, di mana para pelajar menggabungkan pembelajaran di bilik darjah dengan aplikasi dunia sebenar.

Kursus tersebut naik satu anak tangga ke tempat kedua tahun ini.

Para penuntut tahun keempat kejuruteraan awam, Tan Sue-Ann, berkata kedudukan global yang kukuh serta kerelevanan industri program itu menjadi faktor utama yang mendorong beliau untuk mendaftar.

Pelajar berusia 23 tahun itu kini memperoleh pengalaman praktikal dalam bidang kecerdasan buatan (AI) dan pembelajaran mesin melalui pengajian dan latihan



purata universiti.

IKLAN



“Terdapat peningkatan tumpuan untuk mendakap AI dan pembelajaran mesin bagi meningkatkan daya penghasilan pembinaan,” kata Cik Tan kepada Mediacorp.

“Saya rasa di situlah pengkhususan seperti infrastruktur bandar digital yang kami ada benar-benar disasarkan, dan ia melengkapkan para pelajar kami termasuk diri saya, dengan sangat baik untuk industri.”

Program tersebut menekankan kerjasama rapat dengan rakan industri serta huraian masalah secara praktikal, daripada penggunaan ruang bawah tanah hingga perlindungan pesisir dan prasarana yang semakin usang.

Robotik dan automasi dalam persekitaran binaan juga semakin mendapat tumpuan.

Profesor Madya Pang Sze Dai dari jabatan kejuruteraan awam dan alam sekitar NUS berkata kurikulum sentiasa berkembang bagi mengikuti perubahan teknologi.



“Kami menjangkakan para siswazah kami akan terus membantu mengubah tenaga kerja dan tidak begitu terjejas oleh gangguan, memanfaatkan AI untuk meningkatkan daya penghasilan,” kata beliau.

NUS mencatat peningkatan bagi lebih 60 peratus daripada subjeknya, termasuk dalam bidang sains bahan serta sains data dan AI.

Ia juga mencapai tujuh ranking 'tiga terbaik' di dunia, iaitu jumlah paling tinggi di luar Amerika Syarikat dan Britain, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah institusi terkemuka di Asia.

KEPUTUSAN KUKUH NTU, SMU

Universiti Teknologi Nanyang (NTU) turut mencatat keputusan kukuh, dengan jumlah tertinggi bagi subjek yang tersenarai setakat ini.

Beberapa daripadanya turut mencatat kedudukan terbaik bagi universiti tersebut.

Program komunikasi dan pengajian media universiti itu kini berada di tempat kedua di dunia.

Usaha baharu sedang dijalankan untuk memperluas kemahiran para penuntut, kata



menjadi lebih seimbang dalam menghasilkan kandungan dan juga menjalankan analitik data," kata beliau.

AI turut membentuk cara para penuntut komunikasi belajar, sebagai alat untuk meningkatkan pemikiran, kreativiti dan penceritaan, tambah Prof Qiu.

Sementara itu, Universiti Pengurusan Singapura (SMU) merupakan antara institusi yang paling banyak menunjukkan peningkatan dalam kedudukan QS, dengan kira-kira 80 peratus subjeknya meraih kedudukan yang lebih baik.

Khususnya, program undang-undangnya melonjak 45 anak tangga.

Presiden SMU Lily Kong bagaimanapun mengingatkan bahawa kepelbagaian dari segi kedudukan yang digunakan memberi gambaran kualiti yang berbeza-beza.

"Terdapat kedudukan yang tertumpu sepenuhnya kepada penyelidikan, dan ia memberikan ukuran yang berbeza. Jika saya seorang yang berusia 18 tahun yang ingin memasuki universiti, kedudukan penyelidikan itu mungkin menarik, tetapi ia secara langsung mungkin kurang relevan bagi saya," kata beliau kepada Mediacorp.

"Jika kedudukan subjek hanya berdasarkan penyelidikan, ia tidak memberitahu sama ada ia... juga program-program yang baik, yang kemudian membawa kepada peluang pekerjaan yang baik."

Beliau menekankan bahawa pemohon kerja boleh mempunyai keputusan akademik yang baik daripada universiti dengan kedudukan yang cemerlang, tetapi majikan "amat sedar" bahawa mereka menggajikan seorang individu, bukan institusi mereka.

"Saya tidak menolak kedudukan itu sendiri, dalam erti kata lain, untuk institusi dan pertubuhan yang tertakluk kepada kedudukan, ia berguna untuk kami renungkan, melihat bagaimana kami berprestasi, di mana kami mungkin dapat menjadi lebih baik - tetapi tidak melakukannya secara membuta tuli," tambah Prof Kong.

Menurut QS, daya kerja kekal sebagai pemacu utama kejayaan Singapura.

Naib presiden kanan QS, Ben Stower, berkata majikan "mencari laluan yang cekap" untuk mendapatkan siswazah terbaik, dan Singapura menonjol sebagai negara yang

[Terkini](#)[Singapura](#)[Dunia](#)[Komentar](#)[Nadi Kampus](#)[Jelajah](#)[Gaya Hidup](#)

termasuk seni dan kemanusiaan, kejuruteraan dan teknologi, serta sains sosial dan pengurusan.

Sumber : CNA/AZ/az

Baca Topik Yang Berkaitan

[Singapura](#)[Universiti Nasional Singapura](#)[Universiti Teknologi Nanyang NTU](#)[Universiti Pengurusan Singapura SMU](#)

Anda suka apa yang anda baca? Ikuti perkembangan terkini dengan mengikuti kami di [Facebook](#), [Instagram](#), [TikTok](#) dan [Telegram](#)!

Ikuti perkembangan kami dan dapatkan Berita Terkini

Langgani buletin emel kami

[Hantar](#)

Dengan mengklik hantar, saya bersetuju data peribadi saya boleh digunakan untuk menghantar artikel dari Berita, tawaran promosi dan juga untuk penyelidikan dan analisis.

IKLAN

